

12/08/2002

Belia perlu terajui pembangunan ICT

Hizral Tazzif Hisham

SETIAUSAHA Agung Majlis Perhimpunan Belia Dunia (WAY), Donald Charumbira, mencadangkan agar negara sedang membangun menjadikan pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) sebagai agenda utama negara

Beliau berkata, "Apabila membicarakan mengenai pembangunan dan belia ketika ini, kita tidak dapat lari daripada ICT kerana masa depan pembangunan ICT sesebuah negara bergantung kepada sumbangan besar golongan belia.

"Pembangunan pesat terutamanya di negara sedang membangun dan negara kurang membangun diterajui golongan belia.

"Amat penting belia memainkan peranan utama bagi pembangunan ICT negara masing-masing," katanya di Langkawi, minggu lalu.

Beliau berkata demikian dalam forum tertutup antara pemimpin belia dan kerajaan pada Dialog Antarabangsa Langkawi 2002 (LID 2002).

Forum berkenaan dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi, Raja Swaziland, Presiden Zimbabwe, Naib Presiden Afrika Selatan, Naib Presiden Uganda, bekas presiden Bostawana dan perdana menteri Lesotho.

WAY, diasaskan pada 1949 dan mempunyai 94 ahli, ia bertindak sebagai badan perunding dengan pelbagai agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) seperti UNFPA, UNAIDS, UNEP, UNESCO, WHO and UNCTAD. Ia menjadi penghubung antara kaum belia dan PBB.

WAY mengiktiraf hak asasi manusia seperti dinyatakan pada piagam penubuhan PBB. WAY diasaskan untuk menggalakkan penyertaan golongan belia dalam pelbagai program seperti hak asasi manusia, kesihatan, pembangunan masyarakat, latihan kepimpinan, alam sekitar, pencegahan dadah dan demokrasi.

Presiden WAY ketika ini ialah Ketua Menteri Melaka, Datuk Ali Rastam.

Katanya, kerjasama Selatan-Selatan, perkongsian pintar dan interaksi global hanya boleh dicapai jika belia menyedari kelebihan penggunaan ICT.

Charumbira menggesa kerajaan agar mewujudkan persekitaran membina dan menggalakkan untuk meningkatkan lebih ramai usahawan tekno di kalangan belia.